

Terapi Muzik Untuk Penjagaan Orang Tua



Terapi muzik untuk penjagaan orang tua menyokong peningkatan dalam kualiti kehidupan bagi orang tua yang mengalami kemerosotan kesihatan fizikal dan mental. Terapi muzik berbeza daripada hiburan muzik kerana penekanannya adalah pada penggunaan muzik untuk tujuan spesifik individu; seperti bagi mereka yang mengalami masalah emosi, kekurangan interaksi, masalah komunikasi, untuk memberi sokongan fizikal dan mental. Intervensi terapi muzik merangkumi penggunaan permainan alat-alat muzik (lata muzik tidak diperlukan), nyanyian, muzik untuk mendorong pergerakan, interaksi, muzik untuk relaksasi, komunikasi dan sebagainya.



www.mmta.org.my



Music Therapy in Malaysia



malaysiammta@gmail.com

Rujukan



Rujukan untuk terapi muzik adalah berdasarkan (tetapi tidak terhad) kepada kriteria berikut:

- ❖ untuk meningkatkan kualiti kehidupan
- ❖ untuk memberi sokongan psikologi
- ❖ untuk menguatkan kemahiran motor
- ❖ untuk mendorong proses interaksi dan komunikasi sosial
- ❖ untuk meningkatkan motivasi diri dan harga diri
- ❖ untuk relaksasi, pengawalan emosi dan mengurangkan kegelisahan

Terapi muzik juga membantu memberikan sokongan emosi dan mental kepada penjaga, meningkatkan hubungan sosial antara penjaga dan orang tua.